

# PRUCancer X

Bersiap sedia *melawan kanser*

Insurans Perlindungan



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential Assurance Malaysia Berhad  
198301012262 (107655-U)  
Ahli PIDM

# Tahukah anda, kira-kira **100,000 rakyat Malaysia** menghidap kanser setiap tahun<sup>(1)</sup>?

Diagnosis kanser boleh membebankan diri anda serta keluarga. Perkara pertama yang menjadi keutamaan anda adalah mendapatkan penjagaan yang terbaik, tetapi perlu menanggung kos yang tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam kajian di mana 48% daripada pesakit kanser mengalami masalah kewangan<sup>(2)</sup> dalam masa setahun selepas diagnosis<sup>(3)</sup>.

Dengan **PRUCancer X**, kami boleh lindungi anda. Penyelesaian insurans ini menyediakan perlindungan yang tinggi untuk anda bersiap sedia untuk melawan kanser serta memberikan anda dan keluarga anda harapan dan bantuan kewangan untuk kembali pulih. Manfaat-manfaat yang dibayar boleh membantu anda untuk membayar rawatan kanser dan kos pemulihan dan juga menampung perbelanjaan apabila anda hilang punca pendapatan, agar anda dapat meneruskan impian anda.

## Apakah PRUCancer X?

### MANFAAT PERLINDUNGAN KANSER YANG TINGGI SEHINGGA RM2 JUTA

Pelan ini menyediakan pilihan perlindungan yang tinggi sehingga RM2 juta untuk membantu anda mendapatkan penjagaan yang terbaik, termasuk jika anda berfikir untuk mendapatkan rawatan di luar negara dan juga menampung perbelanjaan kehidupan sepanjang tempoh pemulihan.



#### PREMIUM BERPATUTAN

Nikmatilah ketenangan fikiran anda dengan premium berpatutan, serendah RM400 setahun<sup>(4)</sup>.



#### PENYERTAAN MUDAH

Soalan-soalan pengunderaitan ringkas yang khusus kepada risiko kanser sahaja.



#### PERLINDUNGAN KANSER PERINGKAT AWAL

Sebahagian daripada jumlah perlindungan pelan ini juga akan dibayar apabila kanser tertentu didiagnosis termasuk Karsinoma in-situ.



#### MANFAAT IHSAN

Sekiranya berlaku kematian, pelan ini akan memberikan satu manfaat tetap kepada keluarga anda untuk membantu mereka dengan perbelanjaan pengebumian.

<sup>(1)</sup> <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/04/03/about-100000-malaysians-suffer-from-cancer-each-year/>

<sup>(2)</sup> "Masalah Kewangan" adalah didefinisikan sebagai lebih 30% daripada pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk perbelanjaan rawatan kanser pada 12 bulan berikutan diagnosis kanser.

<sup>(3)</sup> <https://www.georgeinstitute.org/sites/default/files/action-study-bali-roundtable-meeting-report.pdf>

<sup>(4)</sup> Berdasarkan umur 1 sehingga 20 pada hari jadi akan datang, lelaki, RM250,000 Jumlah Diinsuranskan.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di **www.prudential.com.my** atau hubungi salah satu Perancang Kekayaan Prudential yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

## Nota Penting & Penafian

**PRUCancer X** adalah pelan tanpa penyertaan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U) dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Anda hendaklah memastikan bahawa produk ini menepati keperluan anda. Anda juga hendaklah memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Ejen atau Perancang Kekayaan anda yang akan membuat analisis keperluan anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Premium untuk pelan ini ditunjukkan di laman web korporat Prudential.

Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas produk dan tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan **PRUCancer X** sebelum membeli pelan ini, serta merujuk kepada terma dan syarat dalam kontrak polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini. Sila ambil perhatian jika anda memutuskan untuk menamatkan pelan anda lebih awal, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar kepada kami.